

Memartabatkan Industri Kreatif Malaysia

Pro UUM

Telah Dihantar: 16 Mac 2010 13:01

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

16 MAC 2010 / 30 RABIULAWAL 1431H

=====

"UUM: UNIVERSITI PILIHAN UTAMA"
(FIRST CHOICE UNIVERSITY)

Memartabatkan Industri Kreatif Malaysia

Oleh: Gan Yong Li

Gambar: Zamarizul Salleh



PENYIARAN......Sekitar program Latihan Amali Penyiaran Digital UUM-UPM '2010 yang berlangsung di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

PROUUM ONLINE: Satu projek jalinan kerjasama antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah diadakan pada 12-14 Mac 2010, bertempat di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

Latihan Amali Penyiaran Digital UUM-UPM 2010 bertemakan Memartabatkan Industri Kreatif Malaysia adalah anjuran Persatuan Teknologi Media (PERMEDIA), College of Arts and Science (UUM CAS) dengan kerjasama Kelab Penyiaran UPM.

Pengarah Program, Halif Mohd Khir Johari, berkata program ini bertujuan untuk mengetengahkan hasil kreatif para pelajar jurusan penyiaran kedua-dua buah universiti dalam penghasilan produksi video digital dan penulisan skrip secara profesional.

"Projek yang berlangsung selama tiga hari ini telah mendapat kerjasama daripada Unit Latihan Penyiaran dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Persatuan Penerbit Televisyen Malaysia, dan Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd (MDEC).

"Antara program yang telah dilaksanakan seperti persembahan produksi video pelajar di Studio FINAS, sesi kritikan skrip bersama penulis skrip bebas dari Jepun, Yasu Tanaka, sesi aplikasi teknik pembikinan video dokumentari Sungai Congkak, rancangan *talk show* Prospek Penyiaran di Malaysia yang bersiaran langsung dari Studio TV UPM dan acara kemuncak Malam Bersama Bintang Rock '80-an," katanya.

Menurut Penasihat Projek, Lt. Nor Hissam Sulaiman, program ini merupakan acara tahunan antara kedua-dua buah universiti yang mempunyai matlamat jangka panjang bagi memartabatkan industri kreatif tanah air dan sebagai usaha awal untuk mewujudkan persatuan akademik bidang penyiaran di peringkat kebangsaan.

Inisiatif penubuhan persatuan akademik ini juga disokong oleh Presiden Persatuan Penerbit Televisyen Malaysia, Jurey Latiff Rosli yang berharap agar kewujudan persatuan tersebut dapat membantu memperkukuhkan industri kreatif tanah air.

Bagi penulis skrip bebas dari Jepun, Yasu Tanaka, berkata, para pelajar jurusan penyiaran UUM dan UPM mempunyai bakat dan kemahiran yang tinggi dalam bidang masing-masing.

"Sudah tiba masanya untuk membawa hasil produksi kedua-dua buah universiti ke peringkat antarabangsa. Semua input akan dimanfaatkan dalam program perkembangan filem dan penyiaran pada masa akan datang," ujarnya.

Sementara itu, bagi pelajar UUM, Nurul 'Aaina Salleh, program ini amat berfaedah kepada mereka kerana dapat berinteraksi dan berkongsi maklumat bersama pelajar UPM selain berkongsi pengalaman.

"Saya rasa amat bertuah dapat melihat dunia sebenar dalam bidang penyiaran dengan adanya *Live Talk Show* yang dikendalikan oleh pihak UPM dan memperoleh banyak maklumat melalui lawatan di FINAS," katanya.

Manakala, Wong Boon Foei berharap program seperti ini akan diteruskan bagi mengeratkan hubungan antara dua universiti selain pelajar dapat berkongsi ilmu melalui jalinan program ini.

Pada majlis itu, malam bersama bintang di FINAS turut dimeriahkan dengan barisan artis tempatan seperti Mawi, Ekin, Diana, Nash dan Ais Arianwan.

Habis.

=====

DARIPADA:
PEJABAT PERHUBUNGAN AWAM
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: prouum@uum.edu.my